



HARI PENDAFTARAN PELAJAR BARU
PROGRAM MATRIKULASI PERAKAUNAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
SESI 2010/2011
KOLEJ MARA KUALA NERANG

Kepada,

Bakal Pelajar Matrikulasi Kolej MARA Kuala Nerang sesi 2010/2011

Assalamualaikum w.b.t

Tahniah dan syabas diucapkan atas kejayaan saudara saudari dalam peperiksaan SPM sekaligus berjaya menempatkan diri di Program Matrikulasi Perakaunan Kementerian Pelajaran Malaysia di Kolej MARA Kuala Nerang ini.

Saya mengalu-alukan kedatangan saudara saudari ke Kolej MARA Kuala Nerang. Berikutan itu, saya ingin memaklumkan beberapa perkara penting yang memerlukan perhatian dan tindakan saudara saudari semasa mendaftar dan sepanjang menuntut dan berada di kolej ini.

“Keunggulan Budaya Kita” yang sudah sedia tercipta di sini diharap dapat diteruskan oleh saudara saudari. Akhir kata, saya mengucapkan ‘ Selamat Menjadi Warga Kolej MARA Kuala Nerang’.

PENDAFTARAN

Tarikh : 10hb. Mei 2010 (Isnin)
Masa : 8.00 – 10.30 pagi
Tempat (bermula) : Dataran Pengarah, Kolej MARA Kuala Nerang

A. KEPERLUAN PELAJAR

1. MENGHADIRI KULIAH / UJIAN / PEPERIKSAAN

PELAJAR LELAKI

- a. Baju kemeja tanpa corak berlejang panjang atau pendek.
- b. Seluar – 'slack'.
- c. Kasut kulit berwarna hitam dan berstoking hitam.
- d. Tali leher kolej / pelbagai yang serasi.

PELAJAR PEREMPUAN

- a. Baju kurung.
- b. Tudung.
- c. Kasut berwarna hitam

2. AKTIVITI LUAR WAKTU AKADEMIK

PELAJAR LELAKI

- a. Sepasang pakaian kebangsaan (baju melayu) lengkap bersamping serta songkok hitam untuk sembahyang Jumaat.
- b. Sepasang kasut sukan, stoking, 'track-bottom', baju – T berkolar (sebarang warna tanpa corak).
- c. Sepasang sandal.

PELAJAR PEREMPUAN

- a. Baju kurung lengkap bertudung.
- b. Sepasang kasut sukan, stoking, 'track-bottom', baju – T tangan panjang (sebarang warna tanpa corak).
- c. Sepasang sandal.
- d. Telekung (pelajar Islam sahaja).

3. KEPERLUAN DI KOLEJ KEDIAMAN

- a. Sebiji bantal (dibekalkan oleh kedai koperasi kolej)
- b. Cadar dan sarung bantal (dibekalkan oleh kedai koperasi kolej)

4. KEPERLUAN UMUM

- a. Peralatan peribadi (raket badminton, tenis, ping pong & dll).
- b. Komputer riba (ikut keperluan).
- c. Kalkulator saintifik sebarang model (boleh dibeli di kedai koperasi kolej).
- d. 'Pen drive' (boleh dibeli di kedai koperasi kolej).
- e. Kitab suci Al –Quran (pelajar Islam sahaja).
- f. Buku Doa & Tahlil dan surah al-Mathurat (pelajar Islam sahaja).

B. BAYARAN YURAN PEPERIKSAAN 'MUET' DAN BUKU RUJUKAN

1. Pelajar perlu menyediakan yuran peperiksaan 'MUET' sebanyak RM 60.
2. Pelajar juga perlu bersedia untuk membeli buku rujukan tambahan.

**YURAN DAN PAKEJ PERALATAN PENDAFTARAN & MPPB
PROGRAM MATRIKULASI PERAKAUNAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
SESI 2010/2011**

YURAN PENDAFTARAN SEMESTER 1 PROGRAM MATRIKULASI 2010/2011			
BIL	PERKARA	JUMLAH (RM)	
1	- Pakej Pendaftaran & MPPB: (Sepasang Pakaian Sukan, 1 Set Cadar, Bantal, Tali Leher (L) Atau <i>Sanitary Service</i> (P), Kad Matrik (Sementara & Sebenar) Dan Kad Keluar Kampus.	100	00
2	Perkhidmatan Dobi (Untuk 5 bulan)	50	00
3	Yuran Keahlian & Saham Koperasi	32	00
4	Modul Pembelajaran	50	00
5	EMR	50	00
6	Insuran Kelompok Takaful Malaysia	10	00
7	Yuran IT	50	00
8	Yuran KAKOM	40	00
9	MUAFAKAT (PIBG)	40	00
10	Yuran Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP)	20	00
JUMLAH KESELURUHAN		442	00

Bayaran Pendaftaran:

Yuran Pendaftaran Semester I hendaklah dijelaskan pada hari pendaftaran (10hb. Mei 2010).

Yuran Pendaftaran Pelajar **HANYA** boleh dibuat melalui “**MONEY ORDER atau BANK DRAFT**” atas nama “**PENGARAH KOLEJ MARA KUALA NERANG**” sahaja.

“KEUNGGULAN BUDAYA KITA”

SHAARIAH BINTI DAHMAN

Pengarah
Kolej MARA Kuala Nerang
Kedah Darul Aman.